

**Parlimen: Hanya 203 Ladang Getah Masih Beroperasi - Hamzah Zainudin
Bernama
27 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Jumlah ladang getah di negara ini susut kepada hanya 203 buah ladang pada tahun lepas berbanding 1,367 pada tahun 1990, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Rabu.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Hamzah Zainudin berkata penyusutan jumlah itu juga melibatkan perubahan jumlah kawasan ladang getah daripada 348,700 hektar pada 1990 kepada hanya 64,200 hektar pada tahun lepas.

"Penurunan keluasan tanaman getah adalah disebabkan penukaran status ladang getah kepada tanaman sawit dan aktiviti-aktiviti komersial seperti perumahan, perkilangan dan pembinaan lebuhraya," katanya pada sesi soal jawab.

Beliau menjawab soalan M. Manogaran (DAP-Teluk Intan) yang bertanyakan bilangan ladang getah yang dihentikan operasi dan ditukar status untuk pembangunan serta jumlah pekerja ladang yang terjejas akibat pembangunan sedemikian.

Hamzah berkata kementerian tidak mempunyai data rasmi jumlah pekerja ladang getah yang kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal akibat aktiviti pembangunan, namun menegaskan kerajaan sentiasa memastikan majikan menyediakan ganti rugi dan pampasan kepada pekerja jika membangunkan kawasan ladang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676181>